

07 FEB 2004

EMOS-MOTOSIKAL

EMOS SASAR JUALAN LEBIH 10,000 UNIT MOTOSIKAL DINAMIK 120CC

JOHOR BAHRU, 7 Feb (Bernama) -- Edaran Modenas Sdn Bhd (EMOS) mensasarkan jualan lebih 10,000 unit motosikal "Dinamik 120cc", model terbaru motosikal nasional, sepanjang tahun ini.

Pengurus Bahagian (Cawangan dan Operasi) EMOS Ahmad Razi Mahmood hari ini berkata motosikal dua lejang itu mula berada di pasaran sejak Oktober lepas dan sehingga kini sebanyak 600 unit telah dijual.

"Sasaran kita (EMOS) memanglah pengguna muda kerana reka bentuknya memenuhi citarasa anak muda, tetapi ia juga sesuai untuk semua pengguna lain," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Modenas dan Pandu Uji motosikal itu di Litar Lumba Kereta Pasir Gudang dekat sini.

Motosikal Dinamik 120cc itu telah dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia di Kuala Lumpur pada Ogos tahun lalu.

Ahmad Razi berkata Dinamik 120cc menggabungkan kepakaran teknologi Kawasaki untuk menghasilkan enjin yang berkualiti tinggi dan bergaya apabila berada di jalan raya.

Katanya, model motosikal terbaru itu menggunakan sistem menghidup penandang dan mempunyai transmisi enam kelajuan dengan menggunakan "single disc" brek di tayar depan dan belakang bagi memastikan cengkaman brek yang berkesan.

EMOS mengedarkan lapan jenis motosikal nasional -- Karisma, Kriss 1, Kriss 2, Kriss SG, Elit 125/150cc, Ceria dan Jaguh.

Pada majlis pelancaran itu, pelumba motosikal negara M. Meganathan mempamerkan persembahan menunggang motosikal Dinamik 120cc.

Menurut Meganathan model itu ringan, jimat minyak dan mempunyai ciri-ciri sistem brek yang berkesan dan selamat.

Ketika diminta mengulas tindakan generasi muda yang terbabit dalam perlumbaan haram, beliau mengakui agak sukar untuk membendung kegiatan itu kerana mereka berdarah muda dan suka kepada cabaran.

"Kita harus tahu... tidak boleh lumba haram, kita dah buat

motosikal  
untuk lumba di litar," katanya sambil menasihati anak-anak muda  
supaya  
berlumba di litar bagi mendapat kepuasan dan memenuhi minat mereka  
terhadap  
kelajuan.

-- BERNAMA

BH MNY NHD